

19 JUN 2003

Umno-Rangkuman

PERHIMPUNAN AGUNG PAMER KEKUATAN UMNO

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Persidangan hari pertama Perhimpunan Agung Umno 2003 di sini hari ini mempunyai banyak keistimewaan berbanding dengan masa-masa yang lalu.

Paling ketara, ia berjaya mempamerkan kekentalan perpaduan dan kekuatan terkini Umno setelah berada dalam keadaan kurang bermaya selepas pilihan raya umum 1999, yang menyaksikan kekalahannya di beberapa kawasan dan kehilangan Terengganu ke tangan PAS.

Kekentalan Umno kini terserlah dengan kehadiran raksasa perwakilan, anggota dan penyokong parti daripada seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) tempat berlangsungnya perhimpunan sekarang.

Kehadiran yang dianggarkan melebihi 30,000 orang itu menyebabkan tidak ada sebuah kerusi pun di dalam dewan persidangan yang kosong dan hampir tiada seicipun ruang legar serta ruang-ruang sekitarnya yang tidak berisi.

Perkembangan mutakhir itu boleh dijadikan kayu pengukur kepada kejayaan Umno memulihkan pengaruhnya di kalangan orang Melayu seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob ketika membentangkan laporannya pada permulaan persidangan.

Menurut Khalil, bilangan anggota Umno sehingga hari ini telah meningkat kepada lebih 3 juta, manakala cawangan Umno di seluruh negara kini berjumlah 19,034 buah dan kelab Umno di seberang laut pula 44 buah.

Kebanyakan pemerhati bersetuju bahawa kehadiran pada kali ini jauh lebih besar jika dibandingkan dengan kehadiran pada perhimpunan 1987 yang menyaksikan Dr Mahathir selaku presiden parti dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah atau pada 1993 yang menyaksikan penyandang jawatan Timbalan Presiden Tun Ghafar Baba terpaksa memberi laluan percuma kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Selain bagi mempamerkan kekuatan parti, kehadiran yang begitu besar itu juga mungkin didorong oleh hasrat dan keinginan setiap anggota parti untuk melihat wajah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada dekat serta mendengar amanat dan pesanan akhir beliau sebagai presiden parti.

Dr Mahathir telah mengumumkan hasratnya untuk melepaskan kedua-dua jawatan itu Oktober depan setelah lebih 20 tahun menerajui Umno dan negara.

Amanat dan pesanan Dr Mahathir itu pada kali ini sewajarnya dihayati setiap anggota parti kerana inilah juga perhimpunan agung terakhir Umno sebelum berhadapan dengan pilihan raya umum yang dijadual berlangsung selewat-lewatnya tahun depan.

Sesuai dengan hasrat untuk mengundurkan diri itu, ucapan Dr Mahathir pada kali ini banyak sekali mengandungi elemen wasiat, amaran dan nasihat kepada seluruh anggota Umno.

Ia termasuk ancaman yang terpaksa dihadapi oleh Umno khususnya dan negara amnya, sama ada daripada luar dan dalam negeri atau daripada dalaman parti sendiri.

Dr Mahathir berkata Umno boleh kalah dalam pilihan raya bukan kerana lawannya kuat, tetapi kerana angkara pemimpin dan anggotanya sendiri yang mengutamakan kepentingan diri sehingga sanggup mengkhianati perjuangan parti.

Mengenai ancaman daripada luar, Dr Mahathir memberi amaran dunia yang bakal dihadapi di dekad dan abad seterusnya akan menyaksikan pelbagai percubaan oleh bangsa Eropah untuk menakluk negara ini secara langsung atau tidak langsung.

"Jika tidak negara kita yang dicerobohi, pemikiran kita, budaya kita,

agama kita dan lain-lain akan dijadikan alasan," katanya.

Mengenai ancaman daripada dalam negeri, beliau berkata salahtafsiran ajaran Islam oleh PAS menyebabkan orang Islam di negara ini keliru dan berpecah-belah ketika umat Islam sepatutnya bersatu untuk menyelamatkan diri.

Pada keseluruhannya, perhimpunan hari ini yang turut menyaksikan perbahasan terhadap usul terima kasih ucapan presiden berlangsung dengan penuh semangat.

Semua perwakilan yang membahaskan usul itu, khususnya yang mewakili negeri-negeri yang dikuasai atau mempunyai pengaruh PAS yang kuat melahirkan tekad dan iltizam masing-masing untuk memastikan Umno mencapai kejayaan gemilang pada pilihan raya akan datang.

Jika adapun sedikit kekurangan pada perhimpunan hari pertama ini, ia adalah kerana ketiadaan Pengerusi Tetap Tun Sulaiman Ninam Shah untuk mengendalikan persidangan kerana keuzuran. Tempat beliau diambil alih oleh timbalannya Datuk Onn Ismail.

Pada masa-masa yang lepas, persidangan kerap dihidupkan oleh telatah dan jenaka yang dicetuskan sekali sekala oleh Sulaiman, terutama ketika berhadapan dengan perwakilan yang "degil" yang turut membahaskan sesuatu usul.

-- BERNAMA

AM KHY ROS